

# Sisa buangan jadi pendapatan

**BANDAR BAHARU** - Penduduk di seluruh daerah ini bakal menjadikan sisa buangan mereka sebagai satu sumber pendapatan sampingan dengan mengamalkan aktiviti kitar semula.

Adun Bandar Baharu, Datuk Norsabrina Mohd Noor berkata, daerah ini akan mengambil langkah menjaga alam sekitar dengan menggunakan kaedah kitar semula dan dapat ganjaran.

"Kita juga ke arah kawasan atau daerah bersih, amalan kitar semula di kalangan masyarakat perlu dipupuk sebagai inisiatif ke arah itu.

"Jadi cadangan untuk menjadikan sisa buangan sebagai yang bernilai akan dilaksanakan melalui program Kitar Semula Untuk Kehidupan, di mana masyarakat yang ber-

jaya melakukannya akan mendapat ganjaran," katanya.

Katanya, pemimpin masyarakat di kampung dan kawasan taman perumahan akan membantu Pegawai Daerah di sini untuk menjayakannya.

"Kita harap Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) serta Jawatankuasa Perwakilan Penduduk akan dapat bekerjasama dengan pejabat daerah untuk merangka dan laksanakannya.

"Program ini amat baik bukan sahaja untuk menjaga alam sekitar tetapi dapat menjadikan kawasan kediaman masyarakat lebih bersih dan harmoni," katanya.

Tambahnya, program kitar semula dapat mengurangkan kos operasi untuk membersihkan sampah di sesuatu kawasan.



Norsabrina (dua, kanan) melihat pelajar yang mengambil peluang menambah duit poket dengan melakukan aktiviti kitar semula.